



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 8 TAHUN 2017**

**POLISI PERAKAUNAN AKRUAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN**

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	Tujuan	1
2.	Latar Belakang	1
3.	Pemakaian Polisi Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan	2
4.	Hal-hal Lain	3
5.	Tarikh Berkuat Kuasa	3
6.	Pemakaian	3
7.	Penutup	3



**KERAJAAN MALAYSIA
SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 8 TAHUN 2017**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Akauntan Kementerian
Semua Pengarah Negeri/ Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Semua Akauntan Negeri/ Bendahari Negeri

POLISI PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan Polisi Perakaunan Akruan Kerajaan yang digubal untuk membantu Kementerian/Jabatan Persekutuan dalam penggunaan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia - *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) selaras dengan Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pelaksanaan sistem Perakaunan Kerajaan Persekutuan menggunakan *1Government Financial And Management Accounting System* (1GFMAS) yang berasaskan perakaunan akruan akan dilaksanakan pada 1 Januari 2018.
- 2.2 Polisi Perakaunan Akruan Kerajaan digubal berasaskan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia - MPSAS 3: Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan yang mentakrifkan Polisi Perakaunan sebagai prinsip, asas, kelaziman, peraturan dan amalan khusus yang digunakan oleh Kementerian/Jabatan Persekutuan dalam menyediakan dan membentangkan Penyata Kewangan Kerajaan.

3. PEMAKAIAN POLISI PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

- 3.1 Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan semua urusan diperakaunkan mengikut polisi perakaunan ini.
- 3.2 Polisi perakaunan ini hendaklah diguna pakai bersama-sama dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang diterbitkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).
- 3.3 Polisi perakaunan ini boleh didapati di Portal Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) melalui capaian <https://www2.anm.gov.my>
- 3.4 Polisi perakaunan ini perlu dirujuk bersama dokumen Manual Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan dan Manual Operasi Perakaunan Akruan (dikenali sebagai *SOP Day 2*):
 - (i) Manual Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan adalah sebuah dokumen yang menyediakan panduan am dan maklumat tentang perakaunan akruan bagi membantu Kementerian/Jabatan untuk merekod urusan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Polisi Perakaunan semasa.
 - (ii) Manual Operasi Perakaunan Akruan (dikenali sebagai *SOP Day 2*) adalah sebuah dokumen yang memberi panduan terperinci berkaitan dengan prosedur dan proses pengenalpastian, perekodan dan penilaian sesuatu urusan akruan yang kompleks.

Kedua-dua dokumen tersebut boleh dicapai di <https://www2.anm.gov.my>

- 3.5 Dalam tempoh masa peralihan, Polisi Perakaunan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 11 Tahun 2017: Polisi Peralihan Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan.

4. HAL-HAL LAIN

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM), Kementerian/Jabatan boleh merujuk kepada pihak berikut:

Helpdesk Akruan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
emel : helpdesk.akruan1@anm.gov.my
No. Telefon : 03-8882 1018

5. TARIKH BERKUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada 1 Januari 2018.

6. PEMAKAIAN


- 6.1 Semua Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan pematuhan kepada keperluan Polisi Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan.
- 6.2 Polisi Perakaunan Akruan dipanjangkan pemakaiannya kepada Kerajaan Negeri.

7. PENUTUP

Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeling ini dipatuhi.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



SAAT BIN ESA C.A.(M)
Akauntan Negara Malaysia

29 Disember 2017

s.k :

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Ketua Audit Negara
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua YB Pegawai Kewangan Negeri